

PEMBERITAHUAN PERTANYAANDEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU
(BARAM)**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian untuk menambah jumlah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi menampung keperluan 400 penduduk Orang Kelainan Upaya (OKU) di Baram.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Program PDK merupakan satu program pemulihan dan pembangunan untuk OKU (termasuk kanak-kanak OKU) yang dijalankan dalam komuniti supaya mereka dapat diintegrasikan dalam masyarakat. PDK pertama yang ditubuhkan di Malaysia adalah PDK Batu Rakit, Kuala Terengganu pada tahun 1984.

Pada masa ini terdapat sebanyak 508 buah pusat PDK yang beroperasi di seluruh negara, yang memberi manfaat kepada 21,543 OKU. Mengikut statistik pendaftaran Orang Kurang Upaya, terdapat 501 orang OKU yang didaftarkan di Baram dan terdapat 1 PDK yang telah beroperasi iaitu PDK Eda Beran, Long Laput, Baram yang mempunyai seramai 98 pelatih OKU.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hal ini, mengikut rekod JKM, tiada sebarang permohonan daripada komuniti di kawasan Baram. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan tambahan PDK baru di kawasan berkenaan, permohonan boleh dipanjangkan kepada JKM dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- i. keperluan komuniti setempat seperti bilangan OKU (minimum 10 OKU),
- ii. lokasi PDK (strategik, mudah diakses),
- iii. mempunyai komuniti penggerak (jawatankuasa) meliputi individu / kumpulan yang berminat & mempunyai komitmen.